



**KETUA PENGARAH**  
**Unit Pemodenan Tadbiran Dan**  
**Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
Aras 6, Blok B2  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**MAMPU**

Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3163  
Portal Rasmi : [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my)  
Email : [zainalrahim@mampu.gov.my](mailto:zainalrahim@mampu.gov.my)

MAMPU.600-1/3/4 ( 7 )  
19 Februari 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri /Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan

**PELAKSANAAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNKASI (ICT) MENGGUNAKAN SISTEM APLIKASI PROFIL PROJEK ICT SEKTOR AWAM (PROFIT) AGENSI SEKTOR AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 – Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam bertarikh 11 November 2015. Garis panduan ini menerangkan tanggungjawab agensi, tugas dan peranan setiap jawatankuasa yang ditubuhkan, skop dan had nilai projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal, peringkat kelulusan teknikal projek ICT, tatacara permohonan kelulusan teknikal projek ICT serta tatacara pelaporan dan pemantauan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi sektor awam.

3. Surat Pekeliling Am ini juga telah menggariskan bahawa semua peringkat perolehan ICT bermula dari permohonan kelulusan teknikal dan pelaporan kemajuan pembangunan sehingga pelaksanaan projek ICT

**BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI**



hendaklah dikemukakan melalui sistem PROFIT. Sistem PROFIT ialah sistem aplikasi untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh agensi Sektor Awam. Bagi memudahkan pelaksanaan perolehan ini, sistem PROFIT telah ditambahbaik dengan mewujudkan aliran proses dari peringkat permohonan projek ICT oleh agensi/Kementerian/Jabatan Perdana Menteri (JPM) sehingga kelulusan di peringkat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) di MAMPU serta modul pelaporan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT. Justeru itu, agensi/Kementerian/JPM dapat memantau kemajuan sesuatu projek ICT serta mengenal pasti projek-projek ICT yang bermasalah dari peringkat awal pembangunan dan pelaksanaannya.

4. Sehubungan itu, semua agensi sektor awam hendaklah mengambil tindakan **menggunakan sistem PROFIT** di agensi masing-masing bagi mengemukakan permohonan projek ICT untuk kelulusan teknikal serta memantau dan melapor status kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan. Sebarang ketidakpatuhan kepada penggunaan sistem PROFIT ini akan memberi kesan terhadap permohonan kelulusan teknikal projek ICT agensi berkenaan.

5. Bagi melancarkan pelaksanaan sistem PROFIT, peranan dan tanggungjawab agensi yang telah ditetapkan adalah seperti dinyatakan dalam **Lampiran I**. Pihak YBhg.Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan/Puan boleh memuat turun Manual Pengguna PROFIT melalui :

- a) Portal MAMPU di <http://www.mampu.gov.my>; atau
- b) Sistem PROFIT di <http://profitv2.mampu.gov.my>.

6. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai sistem PROFIT boleh dikemukakan kepada:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia  
(MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faksimili : 03-8000 8001


Alamat Emel : [profit@mampu.gov.my](mailto:profit@mampu.gov.my)

Sekian. Terima kasih.

**MALAYSIA #sehatisejiwa**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)**

s.k.

**YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa**  
Ketua Setiausaha Negara  
Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI BAGI SISTEM PROFIT**

---

### **PENGENALAN**

Sistem Aplikasi PROFIT ialah sistem aplikasi untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh agensi Sektor Awam.

### **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI**

#### **Pentadbir Sistem**

- (i) Pentadbir Sistem PROFIT peringkat Kementerian/Pejabat SUK Negeri bertanggungjawab untuk:
  - (a) Mendapatkan pengenalan (ID) Pentadbir (Admin) dari pentadbir sistem PROFIT di MAMPU.
  - (b) Mendaftar dan mewujudkan ID Admin bagi setiap agensi di bawah penyeliaannya.
  - (c) Mendaftar dan mewujudkan ID Urus Setia Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian/Pejabat SUK Negeri.
  - (d) Mendaftar dan mewujudkan ID pemilik projek bagi setiap bahagian/cawangan/unit dibawah penyeliaannya.
  
- (ii) Pentadbir Sistem PROFIT peringkat agensi di bawah Kementerian/Pejabat SUK Negeri/JPM bertanggungjawab untuk:
  - (a) Mendapatkan ID Admin dari pentadbir sistem PROFIT di Kementerian/Pejabat SUK Negeri/MAMPU.
  - (b) Mendaftar dan mewujudkan ID Urus Setia JPICT Agensi.

- (c) Mendaftar dan mewujudkan ID pemilik projek bagi setiap bahagian/cawangan/unit di bawah penyeliaannya.
- (iii) Pentadbir Sistem PROFIT peringkat JPM bertanggungjawab untuk:
  - (a) Mendapatkan ID Admin dari pentadbir sistem PROFIT di MAMPU.
  - (b) Mendaftar dan mewujudkan ID Urus Setia JPICT JPM.
  - (c) Mendaftar dan mewujudkan ID Admin bagi setiap agensi (tiada JPICT) di bawah penyeliaannya.
  - (d) Mendaftar dan mewujudkan ID pemilik projek bagi setiap bahagian/cawangan/unit di bawah penyeliaannya.
- (iv) Bertindak sebagai pegawai perantara antara MAMPU dan Kementerian/Pejabat SUK Negeri/JPM/Agensi bagi sebarang makluman dan masalah berkaitan dengan sistem PROFIT.
- (v) Bertanggungjawab ke atas maklumat yang disimpan dalam sistem dan tidak menyalahguna akses yang diberikan;

### **Pemilik Projek**

- (i) Bertanggungjawab mengunci masuk setiap permohonan projek ICT dalam sistem PROFIT untuk kelulusan teknikal dengan lengkap.
- (ii) Bertanggungjawab mengemaskini setiap permohonan projek ICT yang tidak lengkap dalam sistem PROFIT berdasarkan ulasan urus setia jawatankuasa.
- (iii) Bertanggungjawab mengemaskini maklumat tambahan projek ICT dalam sistem PROFIT yang diluluskan/diluluskan bersyarat.

- (iv) Bertanggungjawab melaporkan kemajuan pembangunan projek ICT yang diluluskan/diluluskan bersyarat setiap bulan dalam sistem PROFIT.
- (v) Bertanggungjawab melaporkan kemajuan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan/diluluskan bersyarat selepas satu (1) tahun projek dilaksanakan (go live).
- (vi) Bertanggungjawab memaklumkan kepada pentadbir sistem PROFIT agensi masing-masing sekiranya terdapat pertukaran pegawai/pemilik projek.

#### **Urus setia Jawatankuasa Pemandu ICT Agensi/Kementerian/JPM**

- (i) Bertanggungjawab memastikan cadangan permohonan perolehan projek ICT dikunci masuk oleh pemilik projek dengan lengkap.
- (ii) Bertanggungjawab memastikan pemilik projek mengemaskini maklumat dengan lengkap berdasarkan ulasan urus setia jawatankuasa.
- (iii) Bertanggungjawab memastikan ulasan dan keputusan mesyuarat dikemas kini dalam sistem PROFIT.
- (iv) Bertanggungjawab memastikan pemilik projek melaporkan kemajuan pembangunan projek ICT pada setiap bulan;
- (v) Bertanggungjawab memastikan pemilik projek melaporkan kemajuan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan/diluluskan bersyarat selepas satu (1) tahun projek dilaksanakan (go live).
- (vi) Bertanggungjawab memaklumkan kepada pentadbir sistem PROFIT agensi masing-masing sekiranya terdapat pertukaran pegawai/pemilik projek.